

Tubuhkan niaga anda

29 Mar 2015

NUR ADILAH MAHBOB

ANDA mempunyai idea perniagaan baik yang berpotensi menjana keuntungan.

Produk atau khidmat itu mempunyai ciri-ciri unik dalam pasaran dan boleh menarik pelanggan.

Anda juga sudah mengumpul cukup wang untuk dijadikan modal bagi perniagaan anda.

Namun, apakah langkahs eterusnya yang perlu diambil untuk menubuhkan sebuah perniagaan secara rasmi?

Portal pemerintah Enterprise One menyediakan maklumat tentang langkah menubuhkan perniagaan.

Pertama sekali, anda perlu menentukan struktur perniagaan anda.

Anda perlu mendaftarkan perniagaan anda sebagai salah satu daripada empat entiti perniagaan:

- Pemilikan tunggal (sole proprietorship) ialah struktur perniagaan yang mempunyai satu pemilik. Tiada rakan kongsi. Pemilik itu satu-satunya yang berkuasa terhadap firma itu dan mengambil semua keuntungannya.
- Perkongsian (partnership) ialah apabila dua orang atau lebih berkumpul untuk menjalankan perniagaan. Rakan kongsi biasanya dinasihatkan merangka satu perjanjian perkongsian sebelum menubuhkan syarikat itu bagi mengelak pertikaian berkaitan keuntungan dan hak pengurusan pada masa depan.
- Perkongsian liabiliti terhad (LLP) pula menggabungkan ciri-ciri liabiliti iterhad yang ada pada entiti syarikat dan fleksibiliti operasi perkongsian.
- Syarikat ialah suatu pertubuhan korporat yang diperbadankan di bawah undang-undang Akta Syarikat. Pemilik syarikat ialah pemegang sahamnya.

Selepas itu, anda perlu mendaftarkannya dengan pemerintah di bawah Penguasa Pengawalan Perakaunan dan Korporat (Acra).

Semua perniagaan, yang mempunyai satu pemilik mahupun sebuah syarikat berbilang negara (MNC), mesti mendaftar dengan Acra.

Namun, beberapa individu, karyawan dan pertubuhan dikecualikan daripada pendaftaran.

Individu yang dikecuali termasuk penjaja berlesen, pemandu teksi dan pembawa beca.

Contoh karyawan yang tidak perlu mendaftar pula ialah peguam, doctor dan akauntan kerana mereka ditadbir di bawah badan professional masing-masing, kecuali mereka menubuhkan firma atau syarikats endiri.

Pertubuhan seperti badan berkanun, persatuan dan institusi kebajikan juga tidak perlu mendaftar di bawah Acra.

Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dan Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA) pula membolehkan pemilik rumah mengendalikan perniagaan kecil di rumah, tertakluk pada beberapa panduan.

Selain itu, terdapat pelbagai skim dalam masyarakat yang membantu orang ramai menubuhkan perniagaan sendiri.

Pada 2005, Angkatan Karyawan Islam (AMP) memperkenalkan Program Perniagaan Kecil untuk memupuk kemahiran keusahawanan bagi individu daripada keluarga kurang bernasib baik.

Geran juga diberi kepada mereka yang mempunyai model perniagaan berdaya maju dan berdaya tahan.